

LALUAN BASIKAL UNTUK KANAK-KANAK SEKOLAH
KES KAJIAN : KOMPLEKS PENDIDIKAN ALOR MALAI,
ALOR SETAR

Oleh:

MAZYATI BT. ABDUL HALIM

Satu Kajian Akhir Yang Disediakan Untuk Memenuhi
Sebahagian Dari Syarat Untuk Penganugerahan
DIPLOMA PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi MARA,
Shah Alam

APRIL 1983

ABSTRAK

Laluan basikal memang telah lama ujud di dalam negara ini seperti yang terdapat di beberapa bandar iaitu Alor Setar, Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Muar. Walaupun didapati penggunaan basikal yang menggalakkan di negara ini, namun tidak ada kemudahan yang lengkap yang diadakan. Kemudahan yang disediakan hanyalah setakat jalan basikal sahaja tanpa perancangan lain-lain kehendak penunggang seperti kemudahan melintas di persimpangan jalan yang mana ini selalu diabaikan di dalam setiap penyediaan jalan yang telah ujud di dalam bandar-bandar yang telah disebutkan tadi.

Untuk mengkaji samada perancangan laluan basikal boleh diadakan atau tidak di bandar-bandar yang ramai penunggangnya, maka satu kajian akan dibuat di dalam sekil yang kecil di mana penuntut sekolah akan mewakili penunggang basikal yang lain. Pemilihan kanak-kanak sebagai kajian adalah disebabkan oleh beberapa faktur. Pertamanya ialah disebabkan ianya merupakan sebahagian daripada pengguna basikal dan keduanya adalah disebabkan keselamatan bagi kanak-kanak adalah penting untuk menjamin perjalanan pergi dan balik dari sekolah akan selamat tanpa membimbangkan ibu bapa. Ini juga dapat membentuk sifat berani dan berdikari seseorang kanak-kanak.

Kajian dijalankan di sebuah bandar yang mempunyai laluan basikal sediaujud tetapi belum ada perancangan yang betul. Terdapat berbagai kelemahan di dalam penyediaan jalan basikal walaupun ia telah lama dibina. Kanak-kanak yang diambil sebagai sampel merupakan penunggang basikal dari sebuah kawasan persekolahan iaitu kompleks Pendidikan Alor Malai yang mempunyai enam buah sekolah yang berkelompok di dalam satu kawasan. Kajian diadakan di sini adalah disebabkan ianya adalah dianggap sesuai untuk dicadangkan laluan basikal kerana penggunaannya adalah banyak jika dibandingkan dengan sebuah sekolah sahaja.

Bagi menjayakan kajian ini, beberapa peringkat telah dijalankan. Peringkat pertama adalah kajian latarbelakang yang mengkaji sumber-sumber perancangan dari buku-buku dan jabatan-jabatan yang terlibat dengan perancangan laluan basikal untuk kanak-kanak sekolah. Peringkat yang seterusnya adalah kajiselidik kes kajian di mana ianya dikaji dari segi fizikal dan kegiatan-kegiatan yang dijalankan di kawasan sekolah itu. Ini adalah untuk melihat keadaan sebenar kawasan sekolah sebelum kajiselidik dijalankan ke atas penuntut-penuntut sekolah dan guru besar. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa 3 jenis kajiselidik telah dijalankan iaitu:-

- kajiselidik kes kajian (pengamatan)
- kajiselidik penunggang basikal (soalan kajiselidik)
- kajiselidik latarbelakang penunggang dan sekolah
(temubual dan soalan kajiselidik kepada Guru Besar)

Penyelesaian masalah akan dibuat selepas keputusan kajiselidik dianalisa. Berbagai teknik telah digunakan untuk melihat masalah, kepentingannya dan juga potensi kajian. Penyelesaian masalah dibuat dengan pembentukan objektif, polisi dan cadangan yang merupakan peringkat terakhir di dalam kajian. Satu rumusan akan dibuat bagi menerangkan keputusan kajian samada berjaya atau tidak dan perkara yang penting yang boleh didapati daripada kajian.

ISI KANDUNGAN

| | <u>Muka Surat</u> |
|---|-------------------|
| PENGHARGAAN | |
| ABSTRAK | |
| ISI KANDUNGAN | |
| SENARAI RAJAH | |
| DEFINASI ISTILAH | |
| BAB | |
| I. PENDAHULUAN | 1 |
| Pengenalan | |
| Kenyataan Masalah | |
| Objektif Kajian | |
| Bidang Kajian | |
| Kaedah Kajian | |
| Kajian latarbelakang | |
| Kes kajian | |
| Menjalankan Kajiselidik | |
| Analisa kajiselidik | |
| Pembentukan cadangan | |
| 2. SEJARAH PERKEMBANGAN DAN PERANCANGAN LALUAN BASIKAL | 9 |
| Perkembangan Laluan Basikal di Barat | |
| Pengenalan | |
| Perkembangan di Britain dan Negara Eropah | |
| Perkembangan di Amerika Syarikat | |
| Perkembangan Laluan Basikal di Malaysia | |
| Konsep Perancangan Laluan Basikal di Negara Barat | |
| Konsep Pergerakan Garis Kehendak | |
| Konsep laluan yang mengikut jalanraya | |
| Konsep Pendekatan Panduan | |
| Rekabentuk Laluan Basikal | |